

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1989/90

Oktober/November 1989

SAU369 - Kaum Wanita dan Masyarakat

Masa: [3 jam]

Jawab **TIGA** soalan sahaja. **SATU** soalan dari Bahagian A dan **DUA** soalan dalam Bahagian B.

Bahagian A [40 markah]

Bahagian A DIWAJIBKAN.

1. Apakah dimaksudkan dengan pengeluaran (production) dan pengeluaran semula (reproduction)?

Bagaimanakah hubungan antara pengeluaran dan pengeluaran semula itu mencorakkan penyertaan wanita dalam pasaran buruh dan kegiatan-kegiatan lain di luar rumah, misalnya penyertaan dalam kesatuan sekerja (trade union).

Bahagian B [30 markah bagi setiap soalan]

Jawab **DUA** soalan sahaja.

2. Keganasan terhadap wanita berleluasa dan meningkat di masa ini. Sejauh manakah keganasan ini berkaitan dengan imej-imej wanita yang ditonjolkan melalui media masa? Apakah punca-punca lain yang menimbulkan keganasan ini? Beri cadangan-cadangan supaya masalah ini dapat dikurangkan atau diatasi..

...2/-

3. Penyertaan wanita dalam politik telah lama terdapat di Malaysia. Apakah corak dan sumbangan mereka dalam arus politik utama dan politik bangkangan. Buat perbandingan di antara penyertaan mereka dalam kedua-dua arus politik tersebut.
4. Hubungan sosial jantina (gender relations) di semua masyarakat menunjukkan hubungan ketidaksamaan antara lelaki dan perempuan.

Sejauh manakah ianya berpunca dari percantuman sistem patriarki dan sistem pengeluaran kapitalis, atau semata-mata dari sistem kapitalis sahaja? Bagaimanakah anda boleh mentafsirkan yang hubungan sosial jantina itu tidak setaraf dan apakah ciri-cirinya?

5. Konsep Gangguan Seksual luas sekali. Beri pengertian gangguan seksual mengikut fahaman anda sendiri, dan beri analisis mengenai punca-punca gangguan itu.

Jika berlakunya perkara ini di tempat kerja (bila anda sudah bekerja) ke atas anda atau rakan sejawat, apakah tindakan yang anda akan ambil? Sebaliknya jika ia berlaku di tempat-tempat awam, apakah tindakan anda seterusnya? (Anda boleh memilih tempat kerja atau tempat awam, atau kedua-duanya sebagai penerangan lanjut).